

HELLO KAMPUS



JOHOR

SEBAHAGIAN daripada mahasiswa UTHM menjadi sukarelawan dalam misi pembersihan pascabanjir di Pekan, Pahang, baru-baru ini. -UTUSAN/ MUHAMAD AIMY AHMAD



80 warga UTHM bersihkan sekolah, masjid, klinik

Tabur bakti di Pekan

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusan.johor@gmail.com

■ BATU PAHAT 3 FEB.

SERAMAI 80 sukarelawan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai misi bantuan pembersihan pascabanjir ke negeri Pantai Timur, baru-baru ini.

Nyata kumpulan misi tersebut berjaya melaksanakan misi dengan baik selain memperoleh pengalaman baharu menerusi kerja-kerja yang dilakukan serta mengeratkan semangat berkumpulan.

Ketua Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, sukarelawan berkenaan terdiri daripada penuntut Briged Relas Siswa Siswi (Relasis) bersama Kor Sukarelawan Siswa/Siswi (Suksis) memberi tumpuan di kawasan Pekan, Pahang.

"Misi kali ini memberi fokus terhadap kerja-kerja pengasingan dan



Sukarelawan berkenaan terdiri daripada penuntut Briged Relas Siswa Siswi (Relasis) bersama Kor Sukarelawan Siswa/Siswi (Suksis) memberi tumpuan di kawasan Pekan, Pahang."

SHAFRY SALIM

Ketua Komunikasi Korporat UTHM

pengagihan barang bantuan serta pembersihan kawasan sekolah, masjid dan klinik di daerah itu yang rosak teruk akibat banjir.

"Malah, tugas itu turut disertai oleh anggota Relas daerah Pekan bagi membersihkan lokasi-lokasi seperti Sekolah Kebangsaan (SK)

Temai, Masjid Jamek Mukim Temai dan Klinik Desa Kampung Temai Tengah," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Shafry berkata, selain kerja pembersihan, pasukan sukarelawan itu turut memberi khidmat nasihat dan sokongan moral kepada mangsa bagi meringankan beban yang ditanggung mereka.

"Misi ini bukan sahaja dapat membantu mangsa banjir, malah merapatkan lagi hubungan antara pasukan sukarelawan yang lain terutamanya dengan pasukan Relas daerah Pekan dan bantuan kemanusiaan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa sehingga keadaan kembali pulih," katanya.

Sementara itu, Guru Besar SK Temai, Mohd. Imeran Ibrahim amat menghargai bantuan pelbagai pihak termasuk UTHM sehingga sekolah itu boleh memulakan sesi persekolahan seperti biasa mengikut jadual yang ditetapkan.



SEKUMPULAN mahasiswa UTHM membersihkan lumpur di pekarangan bangunan awam dalam misi pembersihan pascabanjir di Pekan, Pahang, baru-baru ini.